



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

20 Ogos 2023

UNTUK SIARAN SEGERA

KUMPULAN YAYASAN SABAH TURUT SERTA DALAM PERKHIDMATAN KOMUNITI BERGERAK ANJURAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH

KUNAK (Ahad) : Seiring dengan kluster Kesejahteraan Rakyat di bawah konsep Malaysia Madani dan Sabah Maju Jaya, Kumpulan Yayasan Sabah turut menjayakan program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (MCS) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah. Program ini diadakan di Padang Pekan Daerah Kunak, Tawau. Program setengah hari ini melibatkan lebih 54 buah jabatan dan agensi.

Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah menawarkan beberapa perkhidmatan untuk orang ramai antaranya peluang melanjutkan pengajian di Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS) dan University College Sabah Foundation (UCSF). Turut menyertai program ini adalah Pejabat Yayasan Sabah Zon Pantai Timur Selatan (ZPTS) yang mempamerkan produk-produk kraf tangan hasil usahawan tempatan daripada Kunak dan Semporna.

Program ini dihadiri oleh Puan Norazlinah binti Arif, Ahli Dewan Undangan Negeri N63 Kunak.



Gambar 1 : Para pengunjung diberi penerangan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah



Gambar 2(a) & 2(b) : Puan Norazlinah mengunjungi booth Kumpulan Yayasan Sabah

-----TAMAT-----

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com